



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Rujukan Kami : JPA.BK(S)134/8/93 s.k.3 (6)

Tarikh : 7 Disember 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

KAEDAH PENGIRAAN ELAUN PEMANGKUAN PEGAWAI YANG MEMANGKU GRED KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DALAM SISTEM SARAAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana yang tuan sedia maklum, prinsip pengiraan elaun pemangkuan adalah berdasarkan perenggan 26 dan 28, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010.


3. Di bawah Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012, Gaji Minimum – Maksimum adalah diperuntuk untuk pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Sehubungan itu, sekiranya terdapat pegawai yang diarahkan memangku jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, prinsip pengiraan elaun pemangkuan seperti di perenggan 26 dan 28, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 tidak sesuai untuk digunakan. Oleh itu, kaedah pengiraan elaun pemangkuan bagi pegawai yang memangku jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti panduan di **Lampiran**.

4. Kaedah ini adalah terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pemakaiannya kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing.

5. Kaedah pengiraan elaun pemangkuan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2012.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HJ ABDULLAH)

s.k. :

Semua Pihak Berkuasa Melantik
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PANDUAN KAEDAH PENGIRAAN ELAUN PEMANGKUAN
PEGAWAI YANG MEMANGKU
JAWATAN DALAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI
DI BAWAH SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Tujuan panduan ini ialah untuk menjelaskan kaedah pengiraan elaun pemangkuan pegawai yang memangku jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di bawah Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA).

LATAR BELAKANG

2. Di bawah SBPA, gaji Kumpulan Pengurusan Tertinggi ditukar kepada Gaji Minimum – Maksimum. Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah berdasarkan peratusan mengikut pencapaian prestasi. Oleh itu terdapat keperluan untuk mengeluarkan panduan khusus yang menjelaskan kaedah pengiraan elaun pemangkuan pegawai yang memangku dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam SBPA.

PRINSIP ELAUN PEMANGKUAN

3. Secara prinsipnya, pegawai yang sedang memangku layak dibayar elaun pemangkuan mengikut syarat seperti berikut:

- a) pegawai hendaklah memangku selama dua puluh lapan (28) hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan dan kelepasan am. Dalam tempoh pemangkuan ini, pegawai boleh mengambil cuti rehat atau cuti sakit secara terkumpul

yang tidak melebihi daripada lima (5) hari bekerja bagi tempoh dua puluh lapan (28) hari pertama; dan

- b) seseorang pegawai yang telah memangku sesuatu jawatan bagi tempoh yang disyaratkan di perenggan 3(a) dan kemudian meninggalkan jawatan yang di pangkunya selama dua puluh lapan (28) hari atau lebih berturut-turut, termasuk hari cuti mingguan dan kelepasan am, maka pegawai berkenaan tidak layak dibayar elaun pemangkuan bagi tempoh tersebut.
- c) walau apa pun di 3(b), pegawai masih layak dibayar elaun pemangkuan dalam keadaan berikut:
 - (i) menghadiri kursus yang diarah oleh Kerajaan;
 - (ii) meninggalkan jawatan untuk menjalankan tugas rasmi lain atas arahan Kerajaan; atau
 - (iii) dibenarkan bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit;

dengan syarat tempoh tersebut tidak melebihi sembilan puluh dua (92) hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan dan kelepasan am.

- d) elaun pemangkuan hendaklah dikira semula pada tiap-tiap kali tarikh Pergerakan Gaji Tahunan ataupun pada bila-bila masa gaji pegawai berkenaan berubah.
- e) elaun pemangkuan ialah perbezaan di antara gaji permulaan jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai dengan syarat:

- (i) perbezaan itu tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di gred hakiki pegawai. Jika perbezaan itu kurang daripada satu pergerakan gaji biasa, elaun pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji biasa di atas mata gaji jawatan yang dipangku; dan
- (ii) sekiranya gaji hakiki seseorang pegawai itu sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan jawatan yang dipangku, elaun pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji biasa di atas mata gaji jawatan yang dipangku.

ELAUN PEMANGKUAN KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

4. Selaras dengan pelaksanaan SBPA, pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi diperuntukkan Gaji Minimum – Maksimum. Berikutan daripada perubahan ini kaedah pengiraan elaun pemangkuan adalah seperti berikut:

a) Pegawai Pengurusan Tertinggi Memangku Jawatan Pengurusan Tertinggi

- (i) Sekiranya perbezaan gaji minimum jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai **sama atau lebih tinggi** daripada jumlah 5% daripada gaji hakiki pegawai, elaun pemangkuan ialah **perbezaan gaji minimum jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai**.

- (ii) Sekiranya perbezaan gaji minimum jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai **kurang** daripada jumlah 5% daripada gaji hakiki pegawai, elaun pemangkuan ialah **5% daripada gaji minimum di gred yang dipangku.**

Contoh pengiraan seperti di **Lampiran A.**

b) Pegawai Pengurusan dan Profesional Memangku Jawatan Pengurusan Tertinggi.


- (i) Sekiranya perbezaan gaji minimum jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai **sama atau lebih tinggi** daripada satu (1) pergerakan gaji hakiki pegawai, elaun pemangkuan ialah **perbezaan gaji minimum jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai.**
- (ii) Sekiranya perbezaan gaji minimum jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai **kurang** daripada jumlah satu (1) pergerakan gaji hakiki pegawai, elaun pemangkuan ialah **5% daripada gaji minimum di gred yang dipangku.**

Contoh pengiraan seperti di **Lampiran B.**

SIMULASI PENGIRAAN ELAUN MEMANGKU KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

Contoh 1: JUSA C Memangku JUSA B


Situasi : Jumlah perbezaan EM sama atau lebih daripada satu pergerakan gaji biasa di gred hakikinya



- | | | |
|------------------------|---|---|
| a) Gaji hakiki JUSA C | = | RM9,000.00 |
| b) Satu KGT JUSA C | = | 5% gaji hakiki = RM450.00 |
| c) Gaji minimum JUSA B | = | RM10,000.00 |
| d) Perbezaan (c)-(a) | = | RM10,000.00 – RM9,000.00 = RM 1,000.00 |
| e) Satu KGT JUSA B | = | 5% gaji minimum JUSA B = RM500.00 |
| f) Elaun memangku | = | RM1,000.00 (Perbezaan gaji minimum JUSA B dengan gaji hakiki JUSA C kerana jumlah [d] lebih besar daripada jumlah [b]) |

Contoh 2: JUSA C Memangku JUSA B

Situasi : Jumlah perbezaan EM kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di gred hakikinya




- | | | |
|------------------------|---|---|
| a) Gaji hakiki JUSA C | = | RM9,600.00 |
| b) Satu KGT JUSA C | = | 5% gaji hakiki = RM480.00 |
| c) Gaji minimum JUSA B | = | RM10,000.00 |
| d) Perbezaan (c)-(a) | = | RM10,000.00 – RM9,600.00 = RM400.00 |
| e) Satu KGT JUSA B | = | 5% gaji minimum JUSA B = RM500.00 |
| f) Elaun memangku | = | RM500.00 (satu KGT JUSA B kerana jumlah [b] lebih besar daripada jumlah [d]) |

Nota : Amaun gaji di atas merupakan contoh dan bukan amaun gaji sebenar

**SIMULASI PENGIRAAN ELAUN MEMANGKU
P&P MEMANGKU KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

Contoh 1: F1-6 Memangku JUSA C

Situasi : Jumlah perbezaan EM sama atau lebih daripada satu pergerakan gaji biasa di gred hakikinya



- | | | | |
|----|---------------------|---|--|
| a) | Gaji hakiki F54 | = | RM 6,147.26 (P1T5) |
| b) | Satu PGT F54 | = | P1T6 – P1T5 = RM 229.60 |
| c) | Gaji minimum JUSA C | = | RM7,500.00 |
| d) | Perbezaan (c)-(a) | = | RM7,500.00 – RM6,147.26 = RM 1,352.74 |
| e) | Satu KGT JUSA C | = | 5% gaji minimum JUSA C = RM375.00 |
| f) | Elaun memangku | = | RM 1,352.74 (Perbezaan gaji minimum JUSA C dengan gaji hakiki F54 kerana jumlah [d] lebih besar daripada jumlah [b]) |

Contoh 2: DU1-6 Memangku JUSA C

Situasi : Jumlah perbezaan EM kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di gred hakikinya



- | | | | |
|----|---------------------|---|--|
| a) | Gaji hakiki DU54 | = | RM7,302.20 (P2 T9) |
| b) | Satu PGT DU54 | = | P2T10 – P2T9 = RM249.08 |
| c) | Gaji minimum JUSA C | = | RM7,500.00 |
| d) | Perbezaan (c)-(a) | = | RM7,500.00 – RM7,302.20 = RM197.80 |
| e) | Satu KGT JUSA C | = | 5% gaji minimum JUSA C = RM375.00 |
| f) | Elaun memangku | = | RM375.00 (Satu KGT JUSA C kerana jumlah [b] lebih besar daripada jumlah [d]) |

Nota : Amaun gaji di atas merupakan contoh dan bukan amaun gaji sebenar